



KENYATAAN MEDIA

ISU KUARTES KERETA API JALAN KASTAM DAN IPOH: RAC KECEWA RUM PUTAR BELIT FAKTA, MAINKAN SENTIMEN TIMBULKAN KEGUSARAN KAKITANGAN KTMB

KUALA LUMPUR, 16 JANUARI 2026 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menyatakan kekecewaan terhadap tindakan Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja KTMB (RUM), En. Muhammad Faizal Shahibul Kiraya yang dilihat memutar belitkan fakta dan memainkan sentimen yang berpotensi menimbulkan kegusaran di kalangan kakitangan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang menghuni kuarters kereta api di Ipoh dan Jalan Kastam, Klang.

Kenyataan yang disiarkan melalui media pada 15 Januari 2026, langsung tidak mencerminkan **proses sebenar pengosongan tapak** yang telah dilakukan secara terancang dan berkoordinasi oleh pihak pengurusan KTMB, RAC serta pihak-pihak lain yang berkaitan.

Tindakan ini berpotensi **mewujudkan suasana tidak harmoni dan menjejaskan hubungan baik** antara RAC dan KTMB, termasuk di kalangan kakitangan kedua-dua agensi. RAC juga ingin menekankan bahawa **pihak RUM sepatutnya merujuk terus isu ini kepada pihak pengurusan KTMB**, yang terlibat secara aktif sejak dari awal perbincangan mengenai pengosongan tapak di kedua-dua lokasi ini.

ISU PENGOSONGAN KUARTERS – JALAN KASTAM

Bagi **Jalan Kastam**, pengosongan melibatkan **26 unit kuarters** yang terletak di atas lot **PT 817, Mukim Bandar Port Swettenham, Daerah Klang**, seluas **1.4556 hektar**. Tanah ini merupakan **hak milik RAC** dan diperlukan bagi pembinaan **Stesen ECRL Jalan Kastam** di bawah **Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)**. Daripada jumlah tersebut, **24 unit sedang diduduki**, manakala **dua (2) unit lain tidak berpenghuni** akibat kebakaran sebelum ini.

UNTUK SIARAN SEGERA

Keperluan pengosongan tapak telah dimaklumkan lebih awal dan dibincangkan dalam mesyuarat pada **24 April 2025** yang melibatkan wakil **RAC, KTMB dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL)** bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek.

Susulan pengesahan rasmi berhubung pengambilan tanah tersebut oleh pihak MRL, **Notis Pengosongan Tapak** telah dikeluarkan oleh RAC pada **6 November 2025** dengan tempoh asal berakhir pada **30 November 2025**. Proses pengambilan tanah ini dilaksanakan mengikut **prosedur yang sah**, termasuk prosiding di **Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri Selangor** pada 3 Disember 2025 dan pengeluaran **Borang K** bertarikh 23 Disember 2025. Dalam sesi perbicaraan tersebut juga, pihak KTMB bersetuju terhadap kaedah pampasan tanpa penggantian kuarters baharu kepada kakitangan terlibat.

Sebagai tanda keprihatinan dan memberi ruang kepada penyelarasan pemindahan penghuni tanpa menjejaskan jadual projek, pihak MRL melalui surat bertarikh 12 Januari 2026 telah mempertimbangkan **tarikh akhir bagi pengosongan tapak adalah pada 28 Februari 2026**.

ISU PENGOSONGAN KUARTERS – PROJEK IPOH SENTRAL

Bagi **48 unit kuarters di Ipoh** yang terletak di lot **PT284760 dan PT284761, Mukim Bandar Ipoh (U), Daerah Kinta, Perak**, pengosongan tapak dilakukan bagi memberi laluan kepada **Pembangunan Ipoh Sentral**, sebuah projek **Transit Oriented Development (TOD)** yang dilaksanakan oleh **Ipoh Sentral Sdn. Bhd.**. Projek ini merupakan kolaborasi strategik antara **Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perak**, melalui **Railway Assets Holding Sdn. Bhd. (RAH)**, anak syarikat milikan penuh RAC, dan **Silver Smart Sdn. Bhd. (SSSB)**, anak syarikat milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Pemakluman awal kepada pihak **KTMB** mengenai keperluan pengosongan tapak telah dibuat seawal **Mac 2025**, disusuli beberapa mesyuarat penyelarasan. **Notis pengosongan pertama** dikeluarkan pada **7 Mei 2025**, dengan keperluan pengosongan pada Jun 2025. Pada 16 Mei 2025, pihak KTMB memohon **penangguhan sementara** sehingga lokasi penggantian kuarters dimuktamadkan.

UNTUK SIARAN SEGERA

Notis pengosongan kedua dikeluarkan pada **3 Jun 2025**, dengan tempoh pengosongan dilanjutkan sehingga Julai 2025. Proses lanjutan ini diteruskan sehingga **24 Januari 2026**, bagi memberi ruang kepada penyelarasan dan penempatan kakitangan secara teratur.

Sementara menunggu kuarters baharu di Jalan Raja Musa Aziz siap, penghuni kuarters akan ditempatkan secara sementara di Kompleks KTMB Batu Gajah. Penempatan ini dipilih kerana menawarkan persekitaran yang lebih selesa, moden dan kondusif, lengkap dengan kemudahan asas yang sesuai untuk kediaman keluarga. Seiring komitmen RAC terhadap kebajikan penghuni, sebanyak RM700,000 telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan unit-unit kediaman tiga (3) bilik di kompleks berkenaan bagi memastikan tahap penyelesaian yang optimum.

RAC sekali lagi ingin menegaskan bahawa pelaksanaan pengosongan tapak ini **bukan dibuat secara unilateral**, sebaliknya dilaksanakan melalui **sesi libat urus, rundingan dan keputusan bersama** semua pihak berkaitan. Pada masa yang sama, RAC kekal komited untuk memastikan proses peralihan ini dilaksanakan secara **teratur dan berlandaskan peruntukan undang-undang**, dengan mengambil kira kebajikan kakitangan yang terlibat, selaras dengan keperluan pelaksanaan projek infrastruktur nasional yang telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

- TAMAT -

PERBADANAN ASET KERETAPI

16 JANUARI 2026

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my.

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 7459 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 7459 0222

UNTUK SIARAN SEGERA

**GAMBAR-GAMBAR PENAMBAHBAIKAN & PENYELENGGARAAN UNIT-UNIT
KEDIAMAN DI KOMPLEKS KTMB BATU GAJAH**



UNTUK SIARAN SEGERA

